



Kenyataan Media

MCMC MINTA PENJELASAN TIKTOK BERHUBUNG KES PENYELUDUPAN DADAH

CYBERJAYA, 7 November 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memandang serius laporan media mengenai penggunaan platform TikTok bagi merekrut individu untuk aktiviti penyeludupan dadah ke luar negara.

Susulan laporan tersebut, MCMC telah meminta penjelasan rasmi daripada pihak TikTok berhubung mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan dalaman mereka terhadap kandungan atau iklan yang disyaki digunakan bagi tujuan jenayah, termasuk tawaran kerja palsu yang berpotensi memperdaya pengguna.

Sebarang penyalahgunaan platform dalam talian untuk merekrut atau memperdaya pengguna bagi kegiatan jenayah melalui penyebaran kandungan palsu, merupakan satu kesalahan serius di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Selain itu, Seksyen 263(1) memperuntukkan bahawa setiap pemegang lesen adalah bertanggungjawab mengambil langkah terbaik bagi memastikan rangkaian atau perkhidmatan di bawah kawalannya tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang Malaysia.

Orang ramai dinasihatkan supaya berwaspada terhadap sebarang tawaran kerja mudah di media sosial, terutamanya yang melibatkan penghantaran barangan atau bagasi ke luar negara. Tawaran seperti ini sering digunakan oleh sindiket untuk memperdaya mangsa menjadi “keldai dadah”.

MCMC akan terus bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan seperti Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi memperkukuh pemantauan serta meningkatkan kesedaran awam terhadap risiko penyalahgunaan media sosial bagi kegiatan jenayah rentas sempadan.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV